



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**


**PEGAWAI PROJEK (B.2 EB.3 / B.2)  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PROJEK**

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**

**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Administrative Management* / Dasar Awam / Ekonomi Perindustrian / Pemasaran / Pengurusan Perniagaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Administrative Management* / Dasar Awam / Ekonomi Perindustrian / Pemasaran / Pengurusan Perniagaan atau bidang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Ditempatkan di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan dan membantu melaksanakan kaji selidik dan analisa bagi mengenalpasti langkah-langkah dan reformasi untuk memperbaiki ekosistem perniagaan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam;
2. Membantu dalam mengkordinasi pelaksanaan peta-peta jalan industri serta aktiviti penambahbaikan proses perniagaan khususnya yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan kepada komuniti perniagaan;



3. Membantu dalam membuat rangka kerja dasar-dasar perniagaan baru serta mengkordinasi sesi dialog bersama pihak berkepentingan (*stakeholders*); dan
4. Menjalankan tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.